

24 SEP 2001

Sarawak-Mahathir

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN KERJA SEHARI

SIBU, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini bagi lawatan kerja sehari ke Sarawak.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Sibul disambut oleh Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Sri Hajah Laila Taib serta kenamaan lain.

Sejurus selepas itu, mereka bertolak ke Kampung Semop, Buit dekat Sarikei dengan helikopter di mana Perdana Menteri akan melancarkan projek bekalan air antara Tanjung Mansi dan Pulau Buit.

Selepas itu, Perdana Menteri akan kembali ke Sibul dan menyampaikan ucapan di majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Lapangan Terbang Sibul sebelum berlepas ke Kuching.

Semasa di Kuching, Dr Mahathir akan mengadakan lawatan singkat ke Chung Hua Middle School No 4 di Jalan Haji Taha, Satok sebelum mengadakan pertemuan dengan pemimpin Barisan Nasional negeri.

Pada sebelah malam, Perdana Menteri akan menghadiri majlis Pemimpin Bersama Rakyat di stadium tertutup di Petra Jaya.

-- BERNAMA

AT RHM